KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28.07.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM			

Sistem amaran awal perlu dipasang di Gunung Inas

Alor Setar: Kerajaan negeri mencadangkan sistem amaran awal bencana di Gunung Inas segera dipasang bagi mengelak risiko berlakunya kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda di kawasan itu selepas ini.

Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Najmi Ahmad, berkata pemasangan sistem itu sekurang-kurangnya dapat memberi peringatan kepada penduduk untuk menyelamatkan diri sekiranya aliran puing berulang lagi.

"Oleh kerana kita tidak dapat jangka bencana, amat perlu dipasang sistem amaran awal di Gunung Inas sebab dengan keadaan cuaca tidak menentu dan bentuk muka bumi dan sebagainya, penduduk terdedah kepada risiko tragedi kepala air ini berulang.

"Kita memang memberi keutamaan kepada keselamatan penduduk, di peringkat kerajaan negeri sudah bertindak pantas dalam menangani persoalan ini dan saya difahamkan pemasangan sistem amaran ini sudah di peringkat kajian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Muzakarah Cendiakawan Syariah Nusantara ke-16, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 petang, 4 Julai lalu, lebih 800 rumah penduduk terutama di Kampung Iboi serta sekitar Kupang terjejas, termasuk 17 kediaman lenyap dan 18 lagi rosak teruk terkena kayu balak hanyut yang dibawa kepala air dari arah Gunung Inas.

Mengulas lanjut, Najmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kupang berkata, rata-rata penduduk di kawasan itu masih bimbang kejadian itu berulang selepas struktur sungai terutama di Lata Chelak kini berubah dan dipenuhi timbunan pasir sehingga menenggelamkan batu besar.

"Apa yang berlaku di Lata Chelak, Kampung Iboi lebih kurang sama berlaku di Gunung Jerai, Yan, pada Ogos tahun lalu, cuma di sana tiada pembalakan seperti di Gunung Inas," katanya.